



## **KENYATAAN MEDIA HARI KE-12**

### **SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH SELAKU PENERUS SABAH COVID-19 COMMAND CENTRE**

---

Sebagai langkah menangani penularan wabak COVID-19, Kerajaan Negeri telah memutuskan melalui mesyuarat Sabah COVID-19 Command Centre pada hari ini, untuk melaksanakan larangan-larangan seperti berikut:

#### **A. KESESAKAN PASAR RAYA DAN PASAR AWAM**

1. Kerajaan Negeri mengambil berat kesesakan yang berlaku di beberapa pasar raya dan pasar awam di Negeri Sabah ketika Perintah Kawalan Pergerakan sedang berkuatkuasa. Contohnya ialah kesesakan yang telah berlaku di Pasar Tawau pada 28 Mac 2020 yang telah ditularkan oleh warga netizen.
2. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri pada 28 Mac 2020 telah mengarahkan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) selaku pihak berkuasa supaya memperketatkan penguatkuasaan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempergiatkan pemantauan operasi premis.

## **B. PENYAHKUMAN PASAR RAYA DAN KILANG-KILANG PENGELUARAN MAKANAN**

1. Lanjutan daripada arahan oleh Pihak Berkuasa Tempatan pada 18 Mac 2020, Kerajaan Negeri mengarahkan pemilik premis-premis perniagaan dan kilang-kilang pengeluaran makanan yang sedang beroperasi diwajibkan supaya melakukan disinfeksi dan mengamalkan tahap kebersihan tertinggi serta langkah pemantauan yang ketat.
2. Jika terdapat jangkitan COVID-19, premis dan kilang tersebut hendaklah ditutup dengan serta merta dan disinfeksi hendaklah dilaksanakan segera. Sebagai contoh, sekiranya ada kakitangan premis dan kilang yang positif COVID-19, maka premis dan kilang tersebut hendaklah ditutup dengan serta merta.

Sabah COVID-19 Command Centre hari ini juga ingin memaklumkan bahawa perkara-perkara berikut telah dan sedang dilaksanakan, iaitu:

### **A. KEBENARAN KHAS MASUK KE NEGERI SABAH MELALUI CIQS TAWAU**

1. Seramai 23 orang warganegara Malaysia diberi kebenaran khas oleh Kerajaan Negeri untuk masuk ke Negeri Sabah yang terdiri daripada 12 orang peserta Ijtimak Tabligh di Gowa, Sulawesi, Indonesia serta 11 orang awam. Dari jumlah tersebut, seramai 21 orang adalah berasal dari Sabah dan 2 orang daripada negeri lain di Malaysia.
2. Walau bagaimanapun, hanya 18 orang yang telah tiba di Tawau menaiki bot dari Pulau Nunukan pada hari ini, 29 Mac 2020. Sebaik sahaja tiba di jeti Tawau, kesemua mereka telah dimasukkan ke Pusat Kuarantin Daerah Tawau untuk menjalani kuarantin selama 14 hari.

3. Manakala baki seramai lima (5) orang yang terdiri daripada tiga (3) orang dewasa dan dua (2) orang kanak-kanak (adik-beradik dan anak-beranak), telah membatalkan hasrat mereka untuk balik ke Sabah pada hari ini, 29 Mac 2020 dan memutuskan untuk tinggal di Nunukan, Indonesia sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berakhir.

## **B. SUMBANGAN BEKALAN PERALATAN PERLINDUNGAN PERIBADI**

1. Kerajaan Negeri juga ingin memaklumkan bahawa bekalan *Personal Protective Equipments (PPE)* seperti *protective suit, goggles, medical mask, normal mask, forehead thermometer, dan facial mask* dari Guangzhou, China akan sampai ke Negeri Sabah pada hari ini, 29 Mac 2020 menggunakan pesawat sewa khas.
2. Peralatan ini disumbang oleh Kerajaan Republik Rakyat China sebagai tanda terima kasih mereka kepada Kerajaan Negeri Sabah atas sokongan dan bantuan Negeri Sabah ketika negara tersebut menghadapi saat genting penularan wabak COVID-19.
3. Kerajaan Negeri ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan atas bantuan dan tanda persahabatan ini.

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH**  
**29 Mac 2020 | 2.00 Petang**